



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN TAWAU**

TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN
91000 TAWAU, SABAH

Tel : 089-775620, 775621, 762750
Faks : 089-773688
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/tawau/>



Ruj. Kami : JANM.TAW.900-1 JLD.9 (60)
Tarikh : 21 Mac 2022

Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Tawau/Semporna/Kunak/Lahad Datu

Tuan/Puan,

**PEMURNIAN DATA SECOND VALIDATION: DATA PENERIMA BAYARAN (VENDOR GROUP
EMP – PENJAWAT AWAM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, berdasarkan kepada Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bil. 3 Tahun 2021- Pelaksanaan Second Validation Pembayaran Kerajaan yang berkuatkuasa pada 10 November 2021, pemurnian data penerima bayaran hendaklah dikemaskini bagi tujuan meminimalkan kesilapan bayaran kepada penerima yang tidak tepat dan mengelak risiko penyelewengan serta kehilangan wang awam. Sehubungan dengan itu, setiap PTJ dimohon untuk mengambil tindakan seperti di **Lampiran A** yang dilampirkan.

3. Seterusnya pihak tuan/puan perlu mengemukakan template yang telah dikemaskini kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Tawau melalui emel **bayaran_taw@anm.gov.my** **selewat-lewatnya pada 1 April 2022**. Kerjasama PTJ mematuhi timeline yang diberikan bagi memastikan pelaksanaan semakan tambahan (*second validation*) ini berjalan dengan lancar amatlah dihargai.

4. Sila hubungi Unit Pengurusan Dana di talian 089-775620/621 sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang persoalan yang ingin dikemukakan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

ANM

Saya yang menjalankan amanah,


(MUHAMMAD BAIHAQI BIN ABDUL HANAN)
Timbalan Pengarah Operasi
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau.

Lampiran A

Tindakan Dan Tanggungjawab PTJ Bagi Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Pembayaran Kerajaan

- i. Menyemak nama-nama Penerima Bayaran yang terdapat maklumat berbeza antara sistem pembayaran Kerajaan dengan sistem bank. (Lampiran – Template akan diberikan kepada pegawai dan PTJ berkenaan sahaja).
- ii. PTJ memastikan pemakluman dibuat kepada **setiap Penerima Bayaran** iaitu **pemakluman berasingan kepada setiap penerima** yang disenaraikan untuk menyemak maklumat nombor pendaftaran entiti dan lain-lain maklumat yang disertakan di sistem pembayaran Kerajaan dan Bank adalah tepat dan betul seperti dokumen yang sah. (Sekiranya terdapat perbezaan, Penerima Bayaran adalah bertanggungjawab mengemaskini maklumat nombor pendaftaran sama ada di sistem pembayaran Kerajaan dan/atau Bank mengikut dokumen pendaftaran yang sah).
- iii. Membuat pengesahan data dikemaskini di sistem pembayaran Kerajaan ataupun sistem bank melalui **FAIL DATA PENERIMA BAYARAN (VENDOR GROUP EMP)** yang akan dikemukakan secara berasingan kepada pegawai kewangan bagi PTJ yang terlibat. Sekiranya Penerima Bayaran mendapati terdapat keperluan untuk mengemaskini maklumat di sistem bank, penerima bayaran hendaklah mengambil tindakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. **Sila lampirkan salinan Kad Pengenalan dan Salinan Akaun Bank untuk semakan pihak Pejabat Perakaunan.**
- iv. **FAIL DATA PENERIMA BAYARAN (VENDOR GROUP EMP)** hendaklah dikemaskini dengan tambahan column data seperti berikut :

- a. Telah dikemaskini/ Belum Dikemaskini
- b. Tarikh Kemaskini

| | | | | | | | | | | | | | | Maklumbalas PTJ | | | | | |
|------------------------------------------|------|--------------------|----|---------|-----------------|------------------|------------|--------------|-------------|--------|---------------|------|-----|------------------------------------------|---------|--------------|-----------|------------------------------------|--|
| | | | | | | | | | | | | | | SUMBER DATA (ePR/MIND) EPMH Migrasi/EKOL | | PEJABAT | | TELAH DIKEMASKINI / BELUM / TARIKH | |
| | | | | | | | | | | | | | | INSISTMCO PERAKALINA | | MAKLUMAT PTJ | | IC USER | |
| BL | NAMA | Secured Validation | YN | ID TYPE | NO. AKALIN BANK | NAMA BANK | SWIFT CODE | STATUS AKTIF | lock column | NO GAJ | ACCOUNT GROUP | URTI | N | (FUNCT AFEA) | IC USER | DIKEMASKINI | KEMASKINI | | |
| 6605 0000 | | 000 | X | 000 | 000 | Di E Bank Berhad | 0804ML | XX | | XX | EMP | XX | 103 | 520450 | | | | | |
| Maklumbalas PTJ | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| TELAH DIKEMASKINI/ BELUM / TARIKH | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| IC USER DIKEMASKINI KEMASKINI | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

- v. Memastikan Penerima Bayaran baharu didaftarkan dengan nombor pendaftaran entiti yang tepat berdasarkan dokumen yang sah sebelum transaksi bayaran dilaksanakan.
- vi. Memastikan **dokumen disimpan selamat** selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa bagi tujuan rujukan pihak berkepentingan.